27 April 2022
*27 April 2022*
P.U. (A) 139

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

# *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

## PERATURAN-PERATURAN FRANCAIS (CARA RAYUAN) 2022

## *FRANCHISE (MANNER OF APPEAL) REGULATIONS 2022*

DISIARKAN OLEH/
*PUBLISHED BY*
JABATAN PEGUAM NEGARA/
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA FRANCAIS 1998

PERATURAN-PERATURAN FRANCAIS (CARA RAYUAN) 2022

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 60 Akta Francais 1998 [*Akta 590*], dibaca bersama seksyen 17 Akta, Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Francais (Cara Rayuan) 2022**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 28 April 2022.

**Cara Rayuan**

2. (1) Seseorang yang terkilan dengan apa-apa keputusan Pendaftar di bawah Bahagian II Akta boleh merayu kepada Menteri dalam tempoh yang dinyatakan dalam section 17 Akta dengan menyampaikan suatu notis rayuan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

(2) Suatu notis rayuan di bawah subperaturan (1) hendaklah menyatakan alasan rayuan yang menerangkan kandungan keputusan Pendaftar yang dirayu itu.

**Keputusan Menteri atas rayuan**

3. (1) Menteri hendaklah, selepas menimbangkan alasan rayuan yang dinyatakan oleh perayu di bawah subperaturan 2(2), memutuskan rayuan tersebut.

(2) Keputusan Menteri atas rayuan itu hendaklah disampaikan kepada perayu oleh Pendaftar melalui suatu notis bertulis dalam tempoh empat belas hari dari tarikh Pendaftar diberitahu tentang keputusan sedemikian.

JADUAL
(Peraturan 2)

**NOTIS RAYUAN**

AKTA FRANCAIS 1998
Subseksyen 17(1)

RAYUAN KEPADA MENTERI TERHADAP KEPUTUSAN PENDAFTAR FRANCAIS
*APPEAL TO THE MINISTER AGAINST THE DECISION OF THE REGISTRAR OF FRANCHISES*

BAF 2
**Untuk Kegunaan Pejabat Sahaja**

Kepada,
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

Dengan hormatnya saya merujuk keputusan/syarat-syarat yang dikenakan oleh Pendaftar Francais melalui surat, no. rujukan: ............................... bertarikh ............................... dan ingin membuat rayuan terhadap keputusan/syarat-syarat yang dikenakan tersebut atas sebab-sebab yang berikut:
..............................................................................................................................................................
..............................................................................................................................................................
..............................................................................................................................................................
..............................................................................................................................................................
Bertarikh .......................

.........................................................
Francaisor/francaisi francaisor asing/
broker francais/konsultan francais/
orang yang memohon untuk didaftarkan
sebagai broker francais/orang yang memohon untuk
didaftarkan sebagai konsultan francais

Nama:
No. KP/No. Pasport:
Nama syarikat:
Jawatan dalam syarikat:

.......................................
Meterai syarikat

Dibuat 22 April 2022
[SKM.IP.(SULIT)KP: 3473B/1/3; PN(PU2)603/III]

DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
*Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna*

FRANCHISE ACT 1998

FRANCHISE (MANNER OF APPEAL) REGULATIONS 2022

IN exercise of the powers conferred by section 60 of the Franchise Act 1998 [*Act 590*], read together with section 17 of the Act, the Minister makes the following regulations:

**Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the **Franchise (Manner of Appeal) Regulations 2022**.

(2) These Regulations come into operation on 28 April 2022.

**Manner of Appeal**

2. (1) A person who is aggrieved by any decision of the Registrar made under Part II of the Act may appeal to the Minister within stipulated period given in section 17 of the Act by serving a notice of appeal as specified in the Schedule.

(2) A notice of appeal under subregulation (1) shall state the grounds of appeal stating the substance of the decision of the Registrar appeal against.

**Decision of Minister on appeal**

3. (1) The Minister shall, after considering the grounds of appeal stated by the appellant under subregulation 2(2), decide on the appeal.

(2) The decision of the Minister on the appeal shall be communicated to the appellant by the Registrar through a written notice within fourteen days from the date the Registrar is notified of such decision.

SCHEDULE
(Regulation 2)

**NOTICE OF APPEAL**

FRANCHISE ACT 1998
Subsection 17(1)

| |
|---|
| *RAYUAN KEPADA MENTERI TERHADAP KEPUTUSAN PENDAFTAR FRANCAIS*<br>APPEAL TO THE MINISTER AGAINST THE DECISION OF THE<br>REGISTRAR OF FRANCHISES |

BAF 2
**For Office Use Only**

| |
|---|
| |

To,
Minister of Domestic Trade and Consumer Affairs

I would like to refer to the decision of/condition imposed by the Registrar of Franchises through the letter, reference no.: ................................... dated .................................. and would like to appeal against the decision/conditions imposed on the following grounds:
.....................................................................................................................................................................
.....................................................................................................................................................................
.....................................................................................................................................................................
.....................................................................................................................................................................
Dated ............................

.......................................................
Franchisor/franchisee of foreign franchisor/
franchise broker/franchise consultant/
person who applied to be registered
as franchise broker/person who applied to be
registered as franchise consultant

Name:
NRIC No./Passport No.:
Name of company:
Position in company:

......................................
Company seal

Made 22 April 2022
[SKM.IP.(SULIT)KP: 3473B/1/3; PN(PU2)603/III]

DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
*Minister of Domestic Trade and Consumer Affairs*